

# EKUINAS JANA PELABURAN RM2.8B

■ *Pencapaian enam tahun cermin kejayaan model operasi*

FOTO: MOHAMAD SHAHIL BADRI SAALI

Sofyan Rizal Ishak

sofyan.rizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**E**kuiti Nasional Berhad (Ekuinas) berjaya menjana kemasukan modal ekonomi sebanyak RM3.4 bilion kepada Malaysia melalui pelaburan kumulatif berjumlah RM2.8 bilion dan modal swasta dalam tempoh enam tahun penubuhannya.

Bagi tahun lalu, syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu melaksanakan sembilan pelaburan langsung dan penyumberan luar dengan modal komited sebanyak RM338.7 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata, antara pelaburan dilaksanakan pada tahun lalu adalah pelaburan pertama dalam industri penjagaan kesihatan dan pengukuhan portfolio pendidikannya.

Menurutnya, Ekuinas memperoleh ekuiti 60 peratus dalam MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd dan PMCare Sdn Bhd untuk modal komited keseluruhan RM79.8 juta dan mengukuhkan ILMU Education Group (ILMU) serta Orkim Sdn Bhd dengan modal tambahan sebanyak RM150 juta dan RM70 juta.

“Melalui aktiviti pelaburannya, kami berjaya meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera dalam syarikat



**Kami berjaya meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera dalam syarikat portfolio sebanyak RM3.7 bilion atau 1.6 kali modal dilabur**

Syed Yasir Arafat

portfolio sebanyak RM3.7 bilion atau 1.6 kali modal dilabur dan peningkatan sebanyak RM4.7 atau 2.1 kali modal dilabur dalam Jumlah Nilai Pemegang Saham,” katanya pada sidang media selepas mengumumkan keputusan prestasi Ekuinas 2015 di sini, semalam.

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember lalu, Ekuinas menerima peruntukan dana tambahan sebanyak RM600 juta daripada

kerajaan, sekali gus meningkatkan dana yang diterima syarikat kepada RM3.6 bilion.

Selepas enam tahun ditubuhkan, semua pencapaian Ekuinas itu mencerminkan kejayaan model operasi Ekuinas untuk meningkatkan pembabitan Bumiputera dalam ekonomi tempatan melalui syarikat utama dalam industri.

Dalam perkembangan lain, Ekuinas berminat untuk terus menceburi sektor

peruncitan dan sedang menilai beberapa jenama perniagaan untuk dilaburkan di mana ia akan dimuktamadkan dalam tempoh tiga bulan akan datang.

Syed Yasir Arafat berkata, pihaknya juga masih menilai pasaran sebelum melancarkan tawaran awam permulaan untuk menyenaraikan unit pendidikannya bertujuan memastikan aktiviti penyenaraian itu dilaksanakan dalam keadaan pasaran yang positif.